

Usaha promosi pendidikan pascasiswazah sentiasa diteruskan, kata Arsiah

NST 13.2.2019 8

OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

KOTA KINABALU: Usaha mempromosikan pendidikan sepanjang hayat khasnya di peringkat pengajian pascasiswazah adalah antara bukti kesungguhan individu dan institusi pendidikan dalam memartabatkan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah antara institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan program pengajian pelbagai bidang di peringkat pascasiswazah.

Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS, Prof. Dr. Arsiah Bahron berkata pihak pascasiswazah UMS sentiasa komited dalam usaha meneruskan kelangsungan pengajian di peringkat ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran seiring dengan keperluan semasa.

"Usaha mempromosikan pendidikan di peringkat pascasiswazah sentiasa diteruskan dan UMS menawarkan pelbagai bidang pengajian termasuk bidang sains dan kemanusiaan.

"Ia bertujuan bagi memenuhi keperluan dalam karier dan bidang yang diceburi oleh setiap daripada pelajar pascasiswazah itu sendiri," katanya.

Menyedari hakikat peningkatan kos pengajian khasnya di peringkat ijazah sarjana dan ijazah kedoktoran, UMS turut menyediakan peruntukan skim

dana bagi meringankan beban pengajian yang ditanggung oleh pelajar yang melanjutkan pengajian.

Timbalan Dekan Kebajikan Pelajar Pusat Pengajian Pascasiswazah, Dr. Azaze@Azizi Abdul Adis memaklumkan bahawa pelajar boleh memohon skim tersebut namun tertakluk kepada syarat kelulusan dari pihak UMS.

"Terdapat beberapa syarat permohonan yang perlu dipenuhi oleh pelajar yang berminat dan ia adalah berdasarkan kepada peruntukan yang tersedia.

"Antaranya, ialah pelajar yang memohon terdiri daripada pelajar pascasiswazah sepenuh masa mod penyelidikan dan mampu memenuhi objektif utama skim tersebut iaitu menyelaiskan pengajian dalam tempoh masa yang ditetapkan," kata Azaze.

Seramai 535 pelajar ditawarkan untuk mengikuti program pascasiswazah Doktor Falsafah (PhD) dan Ijazah Sarjana secara penyelidikan dan kerja kursus di Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi Semester 2, 2018/2019.

"Antara yang sudah mendaftar ialah 88 calon pelajar PhD dan 112 pelajar ijazah sarjana bagi mod penyelidikan, manakala 105 orang lagi adalah pelajar Pusat Luar UMS (PLUMS) yang mengikuti pengajian peringkat sarjana secara kerja kursus."



BERSAMA...Album Kenangan Pelajar Baharu Pascasiswazah UMS Semester 2, 2018/2019.

"Pendaftaran pada kali ini menyaksikan peningkatan pelajar antarabangsa iaitu seramai 35 orang merangkumi pelajar dari negara China, Brunei, Indonesia dan Bangladesh," kata Arsiah ketika ditemui pada sesi pendaftaran yang berlangsung di Dewan Kuliah Pusat Ke-2, di sini kelmarin.

Arsiah turut menegaskan bahawa UMS masih kekal sebagai sebuah pusat pengajian yang relevan di peringkat pascasiswazah.

"Ini terbukti apabila terdapat kalanjanan alumni pascasiswazah UMS yang berjaya mendapat kedudukan jawatan

yang lebih baik berbanding ketika sebelum mengikuti pengajian pascasiswazah sama ada di bidang kedoktoran mahu pun sarjana.

"Peningkatan pelajar antarabangsa dalam program kedoktoran juga adalah satu indikasi bahawa program doktor falsafah di UMS adalah kekal relevan dan diminati ramai," tambah Arsiah.

Dalam nada yang sama, Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa Pusat Pengajian Pascasiswazah, Prof. Madya Dr. Fauziah Sulaiman turut melihat peningkatan pelajar antarabangsa dalam program PhD sebagai satu



PERIKSA SENARAI...Dr. Hajah (dua kanan) sedang melihat senarai pelajar yang sudah didaftarkan.

pengiktirafan daripada komuniti pelajar antarabangsa kepada sistem pengajian yang dilaksanakan oleh UMS.

"Penghargaan juga harus diberikan kepada pejabat Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global serta fakulti, pusat dan institut terlibat yang sentiasa berusaha mempromosi program pascasiswazah di UMS," katanya.

Turut hadir ialah Pengarah Pusat Luar UMS (PLUMS) Prof Madya Dr. Stephen Laison Sondoh dan Timbalan Pendaftar Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS, Sirahim Abdullah.